

Istikharahlah, kerana musuh perkara terbaik ialah perkara yang baik

SOLUSI

PANDUAN
HIDUP
BERSYARIAT


2012 | PP 15048/05/2012 (029644)

MOTIVASI · FARDUAIN ·

ISU No. 42

PASRAH DENGAN ISTIKHARAH

Bagaimana seharusnya sikap kita apabila berdepan dengan dua perkara yang hukumnya sama-sama harus, sama-sama baik, dan sama-sama bermanfaat, tetapi kita hanya boleh memilih hanya satu?



Apa Legasi Kita? 96

Gambar Kita, Tanggungjawab Kita 52

Barah Rasuah 12

Kahwin Koboi 76

Solat Bersama Jin 92

ISSN 1985-5400
9 771985 540003
AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
(Incorporated in Malaysia)
TELAGA BIRU SDN. BHD.
RM 10.00 (SEM)
RM 12.00 (S/S)
SGD 7.50
BND 7.50
USD 10.00
EUR 8.00
IDR 35,000.00
AUD 7.50



Dilema Wang Kertas, Emas dan Perak

Bahagian II

Setelah membincangkan berkenaan kebaikan dan kelebihan wang emas dan perak, kini kita mampu memahami bahawa mata wang emas (jika wujud secara fizikal) tidak dapat dinafikan adalah lebih baik daripada mata wang fiat.

Namun, ia tidak mampu direalisasikan hanya dengan kewujudan transaksi menggunakan wang emas dan perak itu sendiri, tetapi sistem pengurusan dan pentadbiran di sekelilingnya juga perlu membantu.

Ini termasuklah juga tahap ilmu dan kefahaman orang ramai kerana jika ilmu muamalat dalam kalangan mereka masih berada di takuk lama, riba pasti masih

boleh berlaku walau mata wang emas dan perak digunakan secara meluas. Ini jelas apabila Rasulullah s.a.w. dan para sahabat seperti Umar al-Khattab khususnya sentiasa mengingatkan berkenaan riba pada zaman mereka, padahal waktu itu mata wang dinar (emas) dan dirham (perak) digunakan secara meluas.

Sistem mata wang emas dan perak bukanlah diperkenalkan oleh Rasulullah, malah ia telah wujud sebelum kebangkitan Baginda lagi. Islam menerima pakai dua logam berharga itu sebagai mata wang dan hanya mampu "diislamkan" apabila syarat-syarat urus niaga mata wang yang digariskan oleh Baginda berjaya dipenuhi. Jadi dengan hanya memperjuangkan mata wang emas bukanlah perjuangan utama bagi sebuah ekonomi dan kewangan Islam.

Justeru, jangan ada yang menyangka bahawa sistem kewangan Islam hanya akan menjadi benar-benar Islam apabila menggunakan emas dan perak sebagai mata wang. Ia tidak semudah itu. Malah dengan *fiat money* ini juga, sistem kewangan Islam mampu dicapai jika regulasi

dan pengurusan mata wang berjaya di-reformasi kepada cara yang patuh syariah dari segi pengeluaran, pengedaran, kawalan dan penggunaannya.

Pandangan ulama Islam pada kurun ke-19 terhadap wang kertas amat berbeza. Barangkali, ia timbul kerana sebahagian daripada mereka menilai berdasarkan hakikat wang kertas yang asalnya ialah nota-nota hutang yang dikeluarkan oleh tukang dan pedagang emas.

Sebagai contoh, ramai ulama Islam di India pada kurun ke-19 memfatwakan bahawa wang kertas sebenarnya ialah dokumen hutang. Oleh sebab itu, pembayaran zakat menggunakan wang kertas dikira tidak sah dan tidak boleh membeli emas dan perak menggunakan wang kertas. Ada juga sesetengah ulama mazhab Syafi'i yang mengatakan bahawa zakat bagi wang kertas tidak wajib dan ia tidak sah digunakan untuk tujuan jual beli.

Pada awal dan pertengahan kurun ke-20, ramai daripada kalangan ulama mula melihat hukum bagi wang kertas moden adalah sama seperti emas dan perak.

Hukum Berubah

Pandangan ini mula berubah kerana duit emas dan perak tidak lagi digunakan di mana-mana sekalipun. Setelah kita melihat pandangan-pandangan ulama terdahulu dalam masalah fulus, kita dapat majoriti ulama terdahulu menganggap riba tidak berlaku dalam pertukaran fulus, walaupun pada pertukaran yang tidak sama kadarnya atau kerana penyerahan bertangguh.

Walau bagaimanapun, didapati keputusan muktamar dan juga badan-badan fatwa dunia hari ini sepakat menganggap wang kertas sama hukumnya seperti emas dan perak dari segi riba. Oleh sebab itu, apa-apa sahaja hukum tentang wang kertas sepatutnya dikiaskan kepada wang emas ataupun perak dan tidak dikiaskan pada fulus.

Sebagai contoh, perkara ini telah direkodkan dalam resolusi muktamar sempena pembukaan Bank Islam di Dubai. Begitu juga keputusan Hai'ah Kibar al-Ulama' di Saudi pada tahun 1393H dan keputusan Lajnah al-Fatwa di Kementerian Waqaf Kuwait pada tahun 1979 (1399H). Semenjak itu, al-Majma' al-Fiqh al-Islami yang berada bawah naungan Rabitah al-'Alam al-Islami yang berpusat di Makkah, pada tahun 1985 (1416H) telah mengeluarkan fatwanya, yang antara lain mengandungi perkara berikut:

- Mata wang pada asalnya ialah emas dan perak.
- 'Illa' bagi riba pada jual beli emas dan perak ialah sifatnya sebagai harga (مطلق الشئية) dan 'illa' ini tidak terbatas pada emas dan perak sahaja.
- Mata wang kertas mempunyai nilai kini. Walaupun nilainya tidak terletak pada zatnya, tetapi ia terletak pada keyakinan orang ramai yang menganggapnya sebagai medium bagi pertukaran, dan inilah yang menjadikannya bersifat *thamaniyyah* (bernilai). Tambahan pula ia telah mengantikan emas dan perak bagi muamalah hari ini, barang dagangan dinilai menggunakan dan orang ramai juga telah menganggapnya sebagai harta serta dijadikan aset simpanan mereka.
- Wang kertas ialah mata wang yang tersendiri. Ia dihukum sebagaimana wang emas dan perak, wajib ditunaikan zakat, serta riba *al-fadl* dan *al-nasa'* boleh berlaku padanya sama seperti wang emas dan perak.
- Diputuskan juga bahawa wang kertas bagi setiap negara adalah sejenis mata wang tersendiri.
- Tidak boleh berjual beli wang kertas sebuah negara dengan wang kertas negara lain secara bertangguh penyerahannya (kerana terdedah kepada riba).
- Juga tidak boleh berjual beli wang kertas dari sebuah negara secara melebihkan satu pihak (*al-fadl*) ataupun secara bertangguh.
- Wajib mengeluarkan zakat wang kertas jika jumlahnya mencapai nisab terendah antara emas dan perak.

Fatwa dan Resolusi yang Menyokong

Pada tahun 1986, Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dawli yang bernaung bawah

OIC juga telah membuat keputusan yang hampir sama dengan fatwa di atas. Melalui persidangan dan mesyuarat Majlis Fiqh Antarabangsa, para ulama dengan bantuan pakar ekonomi dan kewangan kontemporari berijtihad secara *jama'i* (berkumpulan) dalam menentukan kedudukan wang kertas fiat ini.

Setelah diskusi panjang, teliti dan terperinci, terhasil Resolusi 31 (3/9) berikut:

"Berkenaan hukum wang kertas fiat, ia merupakan mata wang pada hukumnya disebabkan padanya terdapat sifat nilai harga yang lengkap. Oleh sebab itu, semua hukum-hakam yang ada pada emas dan perak jatuh pada wang kertas fiat seperti hukum berkaitan riba, kewajiban zakat, jual beli secara *salam* serta seluruh hukum emas dan perak." (Qararat wa Tawsiyat, Majma' al-Fiqh al-Islami, hlm. 40)

Begitu juga dalam Nadwah Fiqh pertama yang dianjurkan oleh Bait al-Tamwil al-Kuwaiti (Kuwait Finance House) pada Mac 1987. Dalam resolusinya, ia menegaskan sokongan terhadap keputusan yang dibuat oleh al-Majma' al-Fiqh al-Islami yang berada bawah naungan Rabitah pada tahun 1986.

Adakah ia sama hukumnya seperti emas dan perak walaupun tidak mempunyai nilai fizikal tersendiri (*intrinsic value*)?

Keputusan untuk mengaplikasikan hukum emas dan perak atas wang kertas fiat ini bertepatan dengan pandangan Umar al-Khattab. Khalifah Umar pernah berhasrat menjadikan kulit kerbau sebagai mata wang, tetapi membantalkannya kerana bimbang jika ada yang pinjam-meminjam kerbau, maka jatuh kepada riba. Ini bererti Umar melihat apa-apa sahaja yang dijadikan mata wang walaupun selain emas dan perak, hukum riba masih tetap ada padanya.

Demikian juga apa yang disebut oleh Imam Malik bin Anas: "Sekiranya orang ramai membenarkan sesama mereka untuk menjadikan kulit agar dibentuk menjadi wang, nescaya akan aku larang ia dijual dengan emas dan perak secara bertangguh." (Al-Mudawwanah, jil. 3, hlm. 90)

Ia jelas menunjukkan pendirian Imam Malik bin Anas, dan pandangannya boleh diadaptasi pada wang kertas fiat hari ini.

Realiti Semasa

Jika kita kembali merujuk dan melihat kepada cara penciptaan mata wang fiat (yang disebut di atas), sudah tentu hukum penggunaannya adalah **haram** disebabkan cara penciptaannya.

Namun, setelah para ulama melihat faktor cengkaman ekonomi dunia kontemporari di tangan bukan Islam dan keperluan mendesak untuk penggunaan mata

wang fiat (disebabkan ketiadaan alternatif di hadapan mata seperti mata wang dinar emas dan sebagainya), Majlis Fiqh Antarabangsa sepakat membenarkan penggunaannya.

Kesepakatan ini disertakan dengan syarat ia mestilah mengikut disiplin dan syarat yang sama dengan hukum bagi emas dan perak. Ini kerana ia tetap berfungsi sebagai *medium of exchange* dan masih boleh menjalankan fungsi-fungsi duit pada zaman moden ini walaupun tidak sesempurna emas dan perak fizikal.

Fahamilah, fatwa mestilah bersifat praktikal atau "jejak di atas muka bumi dan tidak terawang di angkasa". Memang boleh bagi para ulama untuk menfatwakannya sebagai haram, namun adakah terdapat alternatif lain di hadapan mata ketika ini?

Kita juga mengetahui bahawa fatwa para ulama bukannya dinilai begitu berat oleh pemimpin politik negara-negara umat Islam sehingga dengan segera mereka akan memperkenalkan dinar emas. Justeru, atas dalil *hajiyat*, umat Islam diberikan keringanan untuk bermuamalah dengan wang kertas fiat ini, namun mestilah mengikut disiplin emas dan perak.

Implikasi Mengharamkan Wang Fiat

Tidak dinafikan, ada kumpulan pemikir yang agak tegas dan berkeras mengatakan wang kertas fiat hari ini tetap haram. Jika mereka ingin terus berpegang dengan fatwa tersebut, dibimbangi mereka terlupa bahawa di dalam poket mereka juga ada wang kertas ini. Maka atas dasar keyakinan tegas mereka, setiap kali mereka menggunakan wang kertas fiat, setiap kali itu jugalah mereka tenggelam dalam dosa. Mereka berdosa kerana mereka seolah-olah menolak fatwa yang memberikan keringanan menggunakanannya pada waktu ketiadaan wang yang memenuhi kehendak Islam.

Dosa berantai bagi individu yang berterges dengan hukum haramnya duit kertas kerana terjebak dalam masalah berikut:

1. Hidup dan transaksi harian tidak sah kerana harta haram tidak sah sebagai pemilikan.
2. Semua hartanya tidak perlu dieluarkan zakat kerana zakat adalah daripada hukum *wadi'i* (وضعی) yang jatuh kepada tahap wajib apabila telah cukup syarat seperti nisab, haul dan sempurna



Menerima ijazah Sarjana Muda Usuluddin, (UM), Masters (al-Yarmouk, Jordan) dan PhD (Univ. of Wales, UK). Juga memperolehi ijazah ilmiah daripada Syeikh Dr Yusuf al-Qaradawi. Beliau merupakan Pensyarah di UIAM, Penasihat & Konsultan Syariah bagi 9 buah institusi korporat & kewangan dalam dan luar negara. Layari: www.zaharuddin.net

DR. ZAHARUDDIN ABD. RAHMAN

pemilikannya. Oleh kerana individu yang berpegang kepada fatwa haramnya wang kertas pada zatnya, semua individu yang memiliki wang kertas termasuk syarikat gergasi tidak perlu lagi membayar zakat. Kesannya, fakir miskin dan asnaf zakat yang lain akan menderita kerana tiada wang zakat untuk membantu.

3. Haji dan umrah mereka mungkin sah pada rukun dan syarat, tetapi tidak dari aspek pahala dan keberkatannya kerana Allah hanya menerima yang baik.

4. Mengakui haram tetapi masih lagi menerima jualan yang dilakukannya dengan wang kertas adalah satu keibaian dan seolah-olah telah "menghalalkan perkara yang haram" untuk diri sendiri.

Sehubungan dengan itu, Nabi s.a.w. mengingatkan melalui mafhum sabda Baginda: "Agama ini memudahkan, dan tidaklah seorang yang terlalu berkeras (atau melampau) dalam urusan agama kecuali mereka akan tewas (dengan kekerasan) mereka." (Riwayat al-Bukhari)

Perjuangan Masih Panjang

Perlu diakui, tidak mudah untuk melaksanakan sistem mata wang Islam pada zaman Islam tidak menguasai dunia. Dunia kini dikuasai oleh sistem kapitalisme, dipenuhi pula dengan individu kapitalis yang enggan tunduk kepada kebenaran kerana tenggelam dengan kerakusan. Sistem kapitalis hari ini sebenarnya boleh diubah suai bagi menepati syariat Islam seperti sistem demokrasi.

Tidak dinafikan, sistem kewangan Islam yang wujud hari ini masih banyak kelemahan dan kekurangannya dari pelbagai sudut. Berikut disenaraikan sebahagian daripadanya:

1. Rangka kewangan dunia yang mencengkam.
2. Sistem perundangan yang banyak kalanya tidak bersedia dan tidak menepati.
3. Pemegang saham perbankan Islam yang "tidak" ihsan serta terlalu mengejar keuntungan.
4. Sistem pengkomputeran dan pengiraan yang masih lagi "terpaksa" mengikuti rentak majoriti yang konvensional.
5. Produk perbankan Islam yang masih terbawa-bawa kehendak pelanggan berminda konvensional.
6. Pelanggan yang terlalu mengharapkan kesempurnaan dalam praktis perbankan Islam, tetapi diri sendiri terlalu jahil tentang fiqah muamalat dan kewangan moden sehingga akhirnya menjadi racun kepada umat Islam.
7. Sistem mata wang fiat yang direka, dicipta dan diatur dengan cara yang tidak betul.

S

soal jawab muamalat

■ DR. ZAHARUDDIN ABD. RAHMAN

Hukum Bergambar dan Mengambil Gambar Perkahwinan

Trend bakal pengantin masa kini biasanya membuat sesi penggambaran pre-wedding ataupun selepas majlis perkahwinan. Apakah hukumnya? Bagaimana pula dengan pendapatan jurugambar tersebut?

Jawapan: Menurut hukum Islam, perkahwinan sememangnya wajar dihebohkan dan pasangan pengantin digalakkan untuk menganjurkan majlis kenduri-kendara. Selain menyambut hari bahagia, ia juga sebagai makluman kepada masyarakat berkenaan perkahwinan yang baru dibina bagi mengelak salah tanggapan terhadap pasangan di kemudian hari.

Hukum mengadakan kenduri kahwin dan menghebohkan ialah sunat, sebagaimana sabda Baginda s.a.w., maksudnya: "Buatlah kenduri kahwin walaupun hanya dengan seekor kambing." (Riwayat al-Bukhari)

Kini, trend menggunakan khidmat jurugambar profesional atau separa profesional untuk aktiviti bergambar sebagai kenangan sudah semakin meluas. Perkara ini perlu diteliti hukumnya.

1. Hukum Bergambar Secara Umum

Hukumnya harus tetapi tertakluk pada jenis gambar yang diambil. Demikian fatwa majoriti ulama kontemporari, termasuk Sheikh Dr. Yusuf al-Qaradawi.

2. Bergambar Selepas Bernikah

Ia bergantung kepada beberapa keadaan:

a. Pakaian yang dipakai oleh pengantin. Sekiranya pakaianya mendedahkan aurat secara jelas atau hampir terdedah, penggambaran itu diharamkan jika diambil oleh jurugambar bukan mahram bagi kedua-dua pengantin. Jika diambil oleh mahram kedua-duanya, ia dibenarkan dengan syarat gambar tersebut tidak disiarkan kepada awam sama ada di Flicker, Facebook, YouTube, blog atau selainnya. Ia hanya untuk kenangan peribadi sahaja.

Berhias (*tabarruj*) dengan menampakkan aurat bertujuan memamerkan kepada orang ramai adalah dilarang.

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud: "Dan janganlah kamu berhias diri se-pertimana yang dilakukan oleh wanita jahiliah zaman dahulu." (*Surah al-Ahzab* 33: 33)

b. Pakaian menutup aurat namun dengan aksi tertentu seperti berpelukan, bercium dan pelbagai lagi aksi yang menghairahkan. Ia juga haram sekiranya jurugambar tersebut bukan mahram khususnya bagi pengantin wanita.

c. Pakaian menutup aurat dengan sempurna tetapi bersolek dan berhias, serta gambar diambil oleh jurugambar bukan mahram. Dalam konteks ini, saya berpandangan, hukumnya adalah dibenarkan dengan syarat tiada aksi intim ditayangkan di hadapan jurugambar. Gambar juga dibenarkan untuk disebarluaskan kepada rakan tauhan secara berpatutan, untuk memaklumkan perkahwinan telah dilangsungkan.

Namun, jika timbul perasaan riyak, berbangga dengan pakaian yang dipakai dan majlis yang dianjurkan, itu merupakan dosa lain yang dilakukan oleh pasangan. Hal itu tidaklah menjadikan seluruh majlis dan aktiviti bergambar itu sebagai haram. Ia dianggap sebagai haram *li ghairih* jika berlaku. Justeru, jika ada pasangan yang merasakan persiapan dan pakaian mereka terlalu mahal dan secara logiknya akan mengundang perasaan cemburu daripada kalangan orang awam yang melihat, sebaik-baiknya gambar diminimumkan daripada disiarkan untuk hebatan bagi menjaga hati sendiri dan orang lain.

3. Bergambar Sebelum Bernikah (Pre-Wedding)

Ia juga bergantung kepada keadaan seperti berikut:

a. Mengambil gambar dengan pakaian menutup aurat dengan sempurna, pasangan tidak bersentuh atau membuat aksi-aksi yang boleh menghairahkan seperti berbaring atau aksi yang khas untuk suami isteri. Dalam keadaan sebegini, hukumnya makruh kerana dibimbangi nafsu masing-masing sukar dikawal apabila berada secara berdekatan, lalu ia boleh sahaja termasuk dalam kategori mendekati zina.

Justeru, ia sangat elok dijauhi kerana keperluannya amat kurang dan hampir tidak diperlukan, malah boleh jatuh